

Headline	Kadar guna elektrik dijangka naik		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	16 May 2019	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	News	Page No	21
ArticleSize	377 cm <sup>2</sup>	Journalist	RUBIAH OMAR
PR Value	RM 12,186		



# Kadar guna elektrik dijangka naik

*Ia dijangka meningkat sehingga 30 peratus pada musim perayaan ini di Terengganu*

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

**T**enaga Nasional Berhad (TNB) Terengganu bersedia untuk menampung peningkatan kadar penggunaan elektrik yang dijangka meningkat sehingga 30 peratus pada musim perayaan Aidilfitri nanti.

Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) TNB Terengganu, Mohd Nazri Puteh berkata, kapasiti bekalan elektrik di Terengganu ketika ini masih lagi melebihi daripada kadar penggunaan.

"Kini pihak TNB giat menjalankan kerja pemeriksaan dan



Mohd Nazri (berdiri, lima dari kanan) bersama-sama sebahagian warga media Terengganu yang hadir sempena Majlis Berbuka Puasa TNB bersama warga media Terengganu kelmarin.

penyelenggaraan di semua stesen bekalan elektrik miliknya sebagai persediaan menampung peningkatan kadar penggunaan elektrik ekoran kepulauan anak perantau ke Terengganu sepanjang Aidilfitri.

"TNB Terengganu juga me-

mastikan semua anggota kerja dan keperluan genset (set jana kuasa bergerak) berada dalam keadaan bersedia untuk meminimumkan gangguan bekalan elektrik seperti mana yang pernah berlaku sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian sele-

pas Majlis Berbuka Puasa TNB bersama warga media Terengganu di sini malam kelmarin.

Ditanya jumlah gangguan bekalan elektrik sepanjang musim perayaan Aidilfitri lalu, beliau berkata, jumlahnya terlalu kecil iaitu tidak lebih 1.5 peratus dari-

pada jumlah 370,000 pelanggan TNB di seluruh negeri.

"Kita juga menyusun jadual tugas dengan menetapkan 10 peratus daripada keseluruhan 900 kakitangan TNB di seluruh negeri untuk bertugas secara bergilir-gilir mengikut syif pada hari raya nanti terutama di lapan stesen bekalan kita," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Nazri berkata, TNB juga merancang meningkatkan kapasiti bekalannya untuk memenuhi keperluan pertambahan pengguna termasuk pelabur dari luar negara terutama di beberapa kawasan perindustrian di Terengganu.

"TNB Terengganu sentiasa mengadakan perbincangan dan penyelarasan bersama kerajaan negeri dalam usaha meningkatkan keupayaan infrastruktur sedia ada untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi bagi menampung keperluan projek pembangunan baharu kerana ia antara faktor yang boleh menarik pelabur ke Terengganu," katanya.